**PEMBERITAHUAN**

Ruj. : AKKM: MAPA 2/5/19 Jld.4 (13)
Tarikh : 01 April 2026

**Pengerusi Koperasi Anggota ANGKASA**

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan,

**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-40 (MAPA 2026) DAN PENCALONAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-40 (MAPA 2026)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan kehendak Undang-Undang Kecil ANGKASA [UUK 25(1)] Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ke-40 (MAPA 2026) akan diadakan seperti ketetapan berikut:

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **27 Jun 2026 (Sabtu)** |
| **Masa** | : | **9:00 pagi** |
| **Tempat** | : | **Pusat Siaran Aplikasi *Tele-conferencing Zoom Meeting:* Auditorium ANGKASA, Tingkat 2, Wisma Ungku A. Aziz, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan** |
| **Kaedah** | : | **Secara Hibrid (Fizikal atau dalam talian)<br>(Rujuk Lampiran 1)** |

3. Sehubungan dengan itu, bagi melayakkan kehadiran ke MAPA 2026, perwakilan dikehendaki mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :

| BIL. | BORANG | PERKARA | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| i. | **Borang 1** | Mengisi **Borang Penamaan Perwakilan Koperasi ke Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA secara fizikal atau dalam talian dengan melayari laman web** www.mesyuaratagung.angkasa.coop<br>** Semua koperasi anggota ANGKASA adalah layak untuk menyertai MAPA menurut UUK 23. Walau bagaimanapun, kelayakan tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan UUK 24.* | Tarikh Tutup Penghantaran Borang pada **13 Mei 2026, Rabu**<br>**Rujuk Lampiran 2** |
| ii. | **Borang 2** | a) Perwakilan yang berhasrat menjadi calon untuk bertanding Jawatan **Anggota Lembaga ANGKASA (Naib Presiden)** hendaklah mengisi Borang Penamaan Calon Mesyuarat Agung Perwakilan MAPA dengan menyertakan dokumen berikut;<br>i. Biodata Calon.<br>ii. Cabutan Minit Mesyuarat ALK yang diperakukan oleh koperasi yang mencadang dan koperasi menyokong. | Tarikh Tutup Penghantaran Borang pada **13 Mei 2026, Rabu**<br>**Rujuk Lampiran 3** |

| BIL. | BORANG | PERKARA | RUJUKAN |
|---|---|---|---|
| | | iii. Borang Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu – Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR) bagi calon yang akan bertanding berserta bayaran RM24.84 (Caj Laporan).<br>iv. Borang Sistem Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM).<br>v. Borang Permohonan Penentusahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai Anggota Lembaga Koperasi (GP3 SKM).<br>vi. Penyata Kewangan Tahunan Koperasi yang beraudit bagi tiga (3) tahun terakhir.<br><br>* *Calon yang bertanding Jawatan Anggota Lembaga ANGKASA (Naib Presiden) hendaklah memastikan koperasi yang diwakilinya adalah* ***berstatus aktif****.*<br><br>Calon hendaklah mengisi **Borang Penamaan Calon Mesyuarat Agung Perwakilan MAPA (Borang 2) secara fizikal atau dalam talian dengan melayari laman web** www.mesyuaratagung.angkasa.coop<br><br>b) Bagi calon yang menawarkan diri sebagai **Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA,** calon **HANYA** dikehendaki mengisi **Borang Penamaan Calon Mesyuarat Agung Perwakilan MAPA (Borang 2) secara fizikal atau dalam talian dengan melayari laman web** www.mesyuaratagung.angkasa.coop dan calon **tidak perlu hadir pada Hari Penamaan Calon (HPC).** | Tarikh Tutup Penghantaran Borang pada **13 Mei 2026, Rabu**<br><br>**Rujuk Lampiran 3** |
| iii | **Hari Penamaan Calon (HPC)** | Pada Hari Penamaan Calon (HPC), semua calon yang menawarkan diri bertanding sebagai Anggota Lembaga ANGKASA hendaklah **hadir sendiri** bersama-sama dengan pencadang dari koperasi yang diwakilinya serta seorang penyokong daripada satu koperasi anggota yang lain pada **20 Mei 2026, Rabu mulai jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang di Dewan Dato' Mohd Ali Baharum, Ibu Pejabat ANGKASA, Wisma Ungku A.Aziz, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.**<br><br>Berdasarkan UUK 33 (1) dua orang penyandang Anggota Lembaga ANGKASA yang akan mengosongkan jawatannya pada MAPA ke-40 (MAPA 2026) adalah seperti berikut : | |

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>BORANG</th><th>PERKARA</th><th>RUJUKAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td colspan="2">
<table>
<tr><th>BIL.</th><th>JAWATAN</th><th>PENYANDANG</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Naib Presiden</td><td>Dato’ Hj. Che Mohd Shukree Che Isa<br>Koperasi Wawasan Malaysia Berhad (KN0245)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Naib Presiden</td><td>Dato’ Hj. Ibrahim Hj. Abdullah<br>Koperasi Guru Melayu Negeri Sembilan Berhad (NS0017)</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>iv.</td><td>Borang 3</td><td>Bagi tujuan Usul MAPA, pihak koperasi bolehlah mengisi Borang Usul Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (jika ada) dan Koperasi digalakkan untuk menghantar Borang Usul lebih awal untuk penyelarasan dan perbincangan pada peringkat ANGKASA Negeri</td><td>Tarikh Tutup Penghantaran Borang pada 19 Jun 2026, Jumaat<br><br><u>Rujuk Lampiran 4</u></td></tr>
</table>

4. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Pejabat ANGKASA Negeri atau Ibu Pejabat ANGKASA, En. Mohd. Hishamizan Yahya di talian 03-7454 8255 / En. Azman Ahamad di talian 03-7884 6453 / En. Badrul Hizam Mohd Shafiei di talian 03-7800 7884 di Bahagian Pengurusan Sekretariat dan Tadbir Urus, Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran atau emel: mesyuaratagung.angkasa@gmail.com.

Kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato’ / Datuk / Dr. / Tuan / Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“SADIK, AMANAH, TELUS”**

Yang benar,

**HAJI ANUAR BULIN**
Pengurus Besar Kanan
Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran
Menjalankan Fungsi Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan

s.k. : Pengarah Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**LAMPIRAN 1**

**LOKASI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-40 (MAPA 2026)**
**(Tertakluk Kepada Pindaan)**

| BIL. | TEMPAT | KEHADIRAN PERWAKILAN | KAEDAH |
|---|---|---|---|
| 1. | **Ibu Pejabat ANGKASA**<br>Auditorium ANGKASA, Tingkat 2, Wisma Ungku A. Aziz, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan | (a) Anggota Lembaga ANGKASA<br>(b) Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan<br>(c) Pengerusi MAPA<br>(d) Timbalan Pengerusi MAPA<br>(e) 11 Anggota Jawatankuasa ANGKASA Negeri<br>(f) Jawatankuasa Audit Dalaman ANGKASA<br>(g) Jurucakap Negeri<br>(h) Calon Anggota Lembaga ANGKASA (Naib Presiden)<br>(i) Calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA<br>(j) Pengurusan Kanan ANGKASA | Fizikal |
| 2. | **Pejabat koperasi atau lokasi pilihan yang bersesuaian**<br>(Bergantung kepada perwakilan) | (a) Perwakilan Koperasi | *Tele-conferencing Zoom Meeting* |

**SENARAI SEMAKAN DOKUMEN**

| BIL. | BUTIRAN | STATUS |
|---|---|---|
| 1 | **Borang 1 – Borang Penamaan Perwakilan Koperasi Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-40 (MAPA 2026)** | ☐ |
| 2 | **Borang 2 – Borang Penamaan Calon Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-40 (MAPA 2026)**<br><br>**[Dokumen i - vi hanya kepada calon Anggota Lembaga ANGKASA (Naib Presiden) sahaja]** | ☐ |
| | i. Biodata Calon. | ☐ |
| | ii. Cabutan Minit Mesyuarat yang telah diperakui oleh koperasi yang mencadang dan menyokong. | ☐ |
| | iii. Borang Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu – Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR) bagi calon yang akan bertanding beserta bayaran RM24.84 (Caj Laporan). | ☐ |
| | iv. Borang Sistem Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). | ☐ |
| | v. Borang Permohonan Penentusahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai Anggota Lembaga Koperasi (GP3 SKM). | ☐ |
| | vi. Penyata Kewangan Koperasi yang beraudit bagi tiga (3) tahun terakhir. | ☐ |
| 3 | **Borang 3 – Borang Usul Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA 2026)** | ☐ |